



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR**

**PANDUAN PELAKSANAAN
PROGRAM MUDAH JADI BAIK (MuJiB)
DENGAN KERJASAMA SEKOLAH DAN MASJID
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR**

1. Pengenalan

- 1.1 Program Mudah Jadi Baik (MuJiB) dilaksanakan bagi membantu murid untuk membina minda suka kepada kebaikan dan berusaha untuk menjadi baik dan lebih baik. Mereka bukan sahaja berakhlak baik tetapi mengajak orang lain untuk melakukan kebaikan (Soleh dan Musleh).
- 1.2 Program ini menggunakan slogan “Mudah Jadi Baik” bagi menyemarakkan semangat murid untuk berakhlak dengan akhlak yang terpuji dan memiliki jati diri serta kemuliaan harga diri bagi merealisasikan konsep karamatul insan.
- 1.3 Program ini merupakan kerjasama antara Jabatan Pendidikan Selangor (JPS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Program ini juga adalah sebahagian daripada aktiviti pengimarahkan masjid yang selari dengan hasrat MAIS dan JAIS.

2. Objektif

Objektif program ini adalah untuk:

- 2.1 Mendidik dan membimbing murid untuk menjadi insan yang berakhlak mulia, menjaga harga diri dan mempunyai kayu ukur yang betul untuk menghadapi cabaran dunia semasa.
- 2.2 Mewujudkan persekitaran atau suasana yang mengajak kepada kebaikan, amar ma'ruf dan nahi mungkar.
- 2.3 Mengurangkan peratus salah laku dan meningkatkan peratus amalan baik murid yang dilaporkan dalam aplikasi Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM).

3. Konsep dan Pendekatan

Program Mudah Jadi Baik (MuJiB) adalah program mega separuh hari yang akan dilaksanakan di peringkat sekolah dengan kerjasama masjid. Sekolah-sekolah akan dikelompokkan dalam satu kluster mengikut kawasan masjid berdekatan.

Murid akan dibawa dari sekolah oleh guru ke masjid. Guru bertindak sebagai guru pengiring dan fasilitator. Manakala jurulatih negeri bertindak sebagai penceramah.

Pihak masjid akan menyediakan kemudahan tempat dan jamuan. Sementara pihak Pejabat Pendidikan Daerah akan menyelaraskan dan mengelompokkan sekolah dalam kumpulan sesebuah masjid. Setiap masjid akan mengendalikan 4 hingga 5 buah sekolah. Setiap sekolah akan diwakili oleh 20 orang murid. Pelaksanaannya adalah secara berasingan antara murid sekolah rendah dan murid sekolah menengah.

Diakhir program, murid akan diberi tugas untuk melaksanakan program 5S (Senyum, Salam, Sapa, Sopan dan Santun) di sekolah masing-masing.

4. Sasaran

Program ini mensasarkan murid:

- Kepimpinan murid sekolah rendah dan menengah yang mempunyai sahsiah diri yang baik. Mereka akan menjadi duta MuJiB.

- Beragama Islam kerana melibatkan masjid dan Lembaga Zakat Selangor.
- Murid perempuan yang dipilih mengikuti program ini tiada halangan untuk masuk ke dalam dewan solat masjid (suci daripada haid).

5. Modul

Modul yang diguna pakai adalah Modul Mudah Jadi Baik (MuJiB) yang dibangunkan oleh Jurulatih Utama Adab dan Nilai (ADNI) Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

6. Latihan Kejurulatihan

Jurulatih daerah akan didedahkan cara penggunaan modul tersebut.

7. Tempat

Program ini dilaksanakan di masjid sama ada di ruang solat atau dewan masjid.

8. Masa

Program ini dilaksanakan pada hari persekolahan. Hari yang dicadangkan ialah Selasa, Rabu atau Khamis. Masa dari 7.30 pagi hingga 12.30 tengah hari. Tempoh masa ini bagi memastikan murid tidak terlepas pengangkutan pulang.

9. Logistik

Murid akan terlebih dahulu datang ke sekolah. Pihak sekolah iaitu guru akan membawa murid ke masjid dan mengambil kembali murid ke sekolah apabila program tamat.

10. Jawatankuasa Induk

Pengerusi Bersama	:	Pengarah Pendidikan Selangor / Pengarah JAIS
Naib Pengerusi	:	Timbalan Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid Timbalan Pengarah JAIS
Setiausaha	:	Ketua Penolong Pengarah Kanan SPI
Penolong Setiausaha 1	:	Ketua Penolong Pengarah Unit Adab dan Nilai
Penolong Setiausaha 2	:	Ketua Penolong Pengarah Unit Perancangan dan Pembangunan Pendidikan Islam
Penolong Setiausaha 3	:	Ketua Penolong Pengarah Masjid, JAIS
Ahli Jawatankuasa	:	Pegawai Sektor Pendidikan Islam JPN Selangor Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Selangor

11. Jawatankuasa Daerah

Pengerusi	:	Pegawai Pendidikan Daerah
Naib Pengerusi	:	Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Perancangan Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pengurusan Sekolah Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pembelajaran Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pembangunan Murid
Setiausaha	:	Penolong PPD Unit Pendidikan Islam Daerah
Penolong Setiausaha 1	:	Pegawai Tadbir Agama, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID)
Penyelaras	:	Penolong PPD Unit Pendidikan Islam Daerah
Ahli Jawatankuasa	:	Penolong PPD Sektor Perancangan Daerah Penolong PPD Sektor Pengurusan Sekolah Daerah Penolong PPD Sektor Pembelajaran Daerah

Penolong PPD Sektor Pembangunan Murid
Daerah

Penolong PPD Sektor Psikologi & Kaunseling
Daerah

Pengetua / Guru Besar

Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pengurusan Masjid

12. Jawatankuasa Pelaksana (Kluster Masjid)

Penasihat	:	Penolong PPD Unit Pendidikan Islam Daerah
Pengerusi	:	Pengetua / Guru Besar 1
Timbalan Pengerusi	:	Nazir Masjid
Setiausaha	:	PK HEM
Penolong Setiausaha 1	:	Setiausaha Masjid
Penolong Setiausaha 2	:	GKMP Kemanusiaan / KP Pendidikan Islam
Bendahari	:	Bendahari Masjid
Penyelaras	:	KP Pendidikan Islam / Penyelaras Dakwah
AJK Jemputan / Sambutan	:	Pengetua / Guru Besar 2
AJK Pendaftaran	:	Pengetua / Guru Besar 3
AJK Perasmian / Ceramah	:	Pengetua / Guru Besar 4
AJK LDK	:	Pengetua / Guru Besar 5
AJK Tempat dan Siaraya	:	AJK Masjid
AJK Makan	:	AJK Masjid / Pengetua / Guru Besar 6
Urus Setia Program	:	Jurulatih Daerah

13. Peranan dan Tanggungjawab

13.1 Jabatan Pendidikan Selangor

- 13.1.1 Menyediakan kertas konsep Mudah Jadi Baik (MuJiB)
- 13.1.2 Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan di peringkat negeri
- 13.1.3 Mendapat kebenaran JAIS untuk kerjasama dengan masjid-masjid
- 13.1.4 Memohon peruntukan daripada Lembaga Zakat Selangor / MAIS
- 13.1.5 Membentuk jurulatih utama negeri
- 13.1.6 Menyediakan modul Mudah Jadi Baik (MuJiB)
- 13.1.7 Memberi latihan kejurulatihan kepada jurulatih daerah

13.2 Pejabat Pendidikan Daerah (Unit Pendidikan Islam)

- 13.2.1 Membentuk jawatankuasa peringkat daerah
- 13.2.2 Menyelaraskan program peringkat daerah
- 13.2.3 Menentukan pembahagian sekolah mengikut kluster masjid
- 13.2.4 Memilih masjid yang bersesuaian dengan program
- 13.2.5 Melantik salah seorang PGB sebagai Pengerusi Pengelola Program
- 13.2.6 Mencadangkan nama jurulatih daerah dan penceramah

13.3 Peringkat Sekolah

- 13.3.1 Membentuk jawatankuasa peringkat sekolah
- 13.3.2 Memilih murid yang akan mengikuti program
(Menengah Tingkatan 3 & 4, Rendah Tahun 4, 5 & 6)
- 13.3.3 Perbincangan / mesyuarat bersama pihak masjid (tempat, makan minum dan logistik)
- 13.3.4 Memilih fasilitator dan guru pengiring
- 13.3.5 Melantik seorang guru yang akan menjadi penyelarasan program peringkat sekolah.
- 13.3.6 Mengadakan majlis pelancaran rasmi MuJiB peringkat sekolah

14. Tentatif Program

Masa	Aktiviti
08.00 pagi	: Pendaftaran (masjid)
08.30 pagi	: Taklimat
09.00 pagi	: Ceramah : Mudah Jadi Baik
10.00 pagi	: Minum pagi / Solat Duha
10.45 pagi	: Tindak Susul : Peranan Duta MuJiB
11.15 pagi	: Rumusan Jurulatih
11.30 pagi	: Majlis Perasmian Penutupan • Ucapan Aluan (Nazir Masjid) • Ucapan Perasmian (PPD / PGB Pengerusi Pengelola)
12.00 tghr*	: Bersurai

**Murid sempat pulang ke sekolah masing-masing dan tidak tertinggal pengangkutan.*

15. Sumber Kewangan

- 15.1 Lembaga Zakat Selangor (keperluan alat tulis)
- 15.2 Masjid (Makan minum peserta dan fasilitator)

16. Perbelanjaan

16.1 Lembaga Zakat Selangor MAIS (Kluster)

Bil	Butiran	RM	Kuantiti	Jumlah (RM)
1.	Keperluan alat tulis	10.00	100	1000.00
2.	Bunting	80.00	5	400.00
3.	Lencana	2.00	100	200.00
4.	Sijil	3.00	130	390.00
5.	Cenderamata masjid	50.00	1	50.00
Jumlah				2040.00

16.2 Masjid (Makan / Minum) - Sarapan & Tengahari

Bil	Butiran	RM	Kuantiti	Jumlah (RM)
1.	Peserta	12.00	100	1200.00
2.	Fasilitator	12.00	10	120.00
3.	Urus Setia	12.00	5	60.00
Jumlah				1380.00

17. Strategi Pelaksanaan

17.1 Menyampaikan taklimat kepada Unit Pendidikan Islam Daerah untuk dimaklumkan kepada pihak sekolah.

17.2 Menyediakan modul dan garis panduan pelaksanaan program di sekolah

17.3 Mengadakan kursus kejurulatihan kepada jurulatih daerah

17.4 Menyenyaraikan sekolah dan masjid dalam radius yang berdekatan dan sesuai.

18. Panduan Pelaksanaan

1. Seramai 20 orang murid lelaki dan perempuan muslim dipilih untuk menyertai program ini sebagai duta Mudah Jadi Baik (MuJiB).
2. Peserta mengikuti ceramah Begitu juga seruan sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat, jika kamu berbuat baik sebenarnya kebaikan itu kembali kepada diri kamu sendiri, tolonglah saudara kamu yang dizalimi dan yang berbuat zalim.
3. Tindak susul akan menekankan pentabiatan nilai-nilai baik (5S) iaitu senyum, salam, sapa, sopan dan santun. Murid atau duta MuJiB akan di dedahkan dengan simulasi 5S.
4. Duta MuJiB didedahkan tunjukcara pelancaran program 5S di sekolah yang akan dilancarkan semasa perhimpunan oleh pengetua/Guru Besar. Teks pelancaran akan disediakan.

19. Impak

Adalah diharapkan melalui program Mudah Jadi Baik (MuJiB) dan pentabiatan 5S (Senyum, Salam, Sapa, Sopan dan Santun) dapat:

- 19.1 Mengurangkan peratus salah laku murid yang dilaporkan dalam aplikasi Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) seperti buli, kekemasan diri, kenakalan, vandalisme, ponteng, merokok, jenayah, biadap, lucah, tidak amanah, tidak pentingkan masa dan kes-kes khas. Apabila pentabiatan 5S diamalkan dengan elemen kasih sayang dan kesantunan, banyak masalah dapat dikurangkan.
- 19.2 Meningkatkan peratus amalan baik murid yang dilaporkan dalam SSDM.

20. Tindakan Susulan

- 20.1 Pelancaran Program Mudah Jadi Baik (MuJiB) dan Pentabiatan 5S peringkat sekolah (Bunting dan poster digital)
- 20.2 Menjadikan program Mudah Jadi Baik (MuJiB) dan Pentabiatan 5S sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) Pengetua / Guru Besar

- 20.3 Menganalisa SSDM pada pertengahan dan akhir tahun
- 20.4 Pemeraksanaan (pemantauan dan pemerhatian) pentabiatan 5S
- 20.5 Memberi pengiktirafan / penganugerahan kepada ikon MuJiB (Lencana)

21. Penutup

Program Mudah Jadi Baik (MuJiB) merupakan satu sinergi antara sekolah dan masjid yang akan memberi manfaat kepada ummah. Kedua-dua institusi ini mempunyai kemudahan dan fasiliti yang boleh dimanfaatkan bagi membentuk generasi pelapis yang berakhlak mulia. Program ini diharap dapat menzahirkan karakter murid yang bersopan santun, penyayang dan budaya sekolah sejahtera selaras dengan hasrat KPM untuk melahirkan anak baik lagi cerdik (ABC).

PENGISIAN PROGRAM

BIL	PERKARA	CATATAN
1	TAKLIMAT • Tahniah kerana terpilih • Pengenalan MuJiB • Perjalanan program	
2	CERAMAH • Ali-Imran :110 (Umat Terbaik) • Hadis Mukmin yang kuat. • Surah Al Asr (Soleh dan Musleh) • Al Isra':7 (buat baik kepada manusia) • Penyempurnaan akhlak - o Hadis Al Baihaqi - o Al Qalam : 4 - o Al Ahzab : 21 - o Hadis larangan mencela • Hadis : Sebaik-baik manusia memberi manfaat kepada orang lain	
3	PELAN TINDAKAN • Membantu pelancaran peringkat sekolah • Peranan Duta MuJiB - o Menjadikan 5S sebagai tabiat diri. - o Berusaha menjadi Role Model. • Simulasi 5S	
4	RUMUSAN JURULATIH • Duta MuJiB menerima amanah ini dengan rasa tanggungjawab. • Harapan agar Duta MuJiB dapat melaksanakan amanah ini dengan sebaiknya.	

CADANGAN PROJEK RINTIS

KATEGORI : SEKOLAH RENDAH
DAERAH : SEPANG
LOKASI : MASJID PEKAN SUNGAI PELEK
SEKOLAH : 1. SK TAMAN PANTAI SEPANG PUTRA
2. SK SUNGAI PELEK
3. SK METHODIST
4. SK SUNGAI RAWANG
5. SK BUKIT BANGKONG

KATEGORI : SEKOLAH MENENGAH
DAERAH : KLANG
LOKASI : MASJID KG RAJA UDA, KLANG
SEKOLAH : 1. SMK DATO' HAMZAH
2. SMK RAJA LUMU
3. SMK TENGKU AMPUAN JEMAAH
4. SMKP RAJA ZARINA
5. SMK TENGKU AMPUAN RAHIMAH

Lampiran 3

Perincian tugas jawatankuasa pelaksanaan

Lampiran 4

Surat menyurat:

1. Kerjasama dengan masjid
2. Panggilan mesyuarat

Lampiran 5

Logo dan banner

Lampiran 6

Aturcara pentadbiran majlis pelancaran MuJiB